

PT3 SEJARAH (KSSM) FORMAT TERBARU

TINGKATAN 1 - MENGIKUT BAB

Soalan-soalan Bahagian C Terpilih

TINGKATAN 1 BAB 1 MENGENALI SEJARAH

Soalan 1

Kaedah arkeologi merupakan kaedah yang digunakan secara saintifik untuk mencari maklumat sejarah daripada bahan tinggalan sejarah.

[Sumber: Buku Teks Sejarah Tingkatan 1, halaman 13]

(a) Jelaskan bahan-bahan sejarah tersebut. [3 markah]

- F1 Fosil
- F2 Tembikar
- F3 Bahan logam
- F4 Binaan daripada baru

(b) Berikut ialah aktiviti di tapak penemuan arkeologi.



Nyatakan proses aktiviti yang dilakukan di tapak arkeologi tersebut.

[3 markah]

- F1 Perancangan grid sebelum kerja ekskavasi
- F2 Menandakan kawasan berdasarkan pelan
- F3 Ekskavasi dengan mencatatkan semua penemuan

(c) Cadangkan langkah yang perlu dilakukan terhadap penemuan arkeologi tersebut. [4 markah]

- F1 Menjadikannya sebagai sumber rujukan
- F2 Mengekalkan keasliannya
- F3 Mengisytiharkannya sebagai warisan negara
- F4 Menjadikannya sebagai tarikan pelancong
(Mana-mana jawapan yang munasabah)

TINGKATAN 1 BAB 2 ZAMAN AIR BATU

Soalan 2


Perubahan iklim turut mempengaruhi bentuk fizikal bumi menjadi daratan dan lautan.

(a) Jelaskan kawasan muka bumi yang dikategorikan sebagai daratan.

[3 markah]

- F1 Gunung
 - F2 Banjaran
 - F3 Bukit
 - F4 Tanah pamah
 - F5 Lembah
 - F6 Sungai
- [Maksimum 3 markah]

(b) Peta berikut berkaitan dengan kawasan benua dan lautan.



Namakan tiga benua yang wujud pada masa kini.

[3 markah]

- F1 Amerika Utara
 - F2 Amerika Selatan
 - F3 Afrika
 - F4 Eropah
 - F5 Asia
 - F6 Oceania
 - F7 Antartika
- [Maksimum: 3 markah]

- (c) Mengapakah kita perlu menghargai kawasan benua dan lautan tersebut?
Gunakan pengetahuan dan pendapat anda. [4 markah]

- F1 Membekalkan sumber makanan dan minuman kepada kita
F2 Menjadi kawasan petempatan semua makhluk
F3 Membolehkan ia terus dinikmati oleh generasi akan datang
F4 Mengelakkan berlaku bencana alam
[Maksimum: 4 markah]

TINGKATAN 1 BAB 3 ZAMAN PRASEJARAH

Soalan 3 – BAHAGIAN C

Selepas serangan Portugis, Belanda berusaha meluaskan kuasanya di negara kita. Sementara British pula menggunakan pelbagai strategi untuk menguasai negara kita.

- (a) Huraikan strategi Belanda untuk menguasai negara kita. [6 markah]

- F1 Serangan fizikal
H1a Belanda berperang dengan penduduk tempatan di Pulau Pangkor dan di Kuala Perak
H1b disebabkan oleh dasar monopoli bijih timah oleh Belanda
H1c Pada tahun 1763, Belanda berperang dengan angkatan Selangor dan Rembau
H1d kerana bimbang penguasaan Selangor ke atas Selat Melaka
H1e Pada tahun 1782, Belanda berperang dengan Johor
H1f disebabkan berlaku perselisihan mengenai perdagangan
H1g Pada tahun 1784, sekali lagi Belanda berperang dengan angkatan Johor dan Selangor
H1h kerana masalah perebutan perairan Selat Melaka
H1i Pada tahun 1784 dan 1785, Belanda berperang dengan angkatan Selangor di Kuala Selangor
F2 Perjanjian
H2a Pada tahun 1650, Belanda mengadakan perjanjian dengan Perak untuk mendapatkan bijih timah
H2b Pada tahun 1786, Belanda mengadakan perjanjian dengan Selangor
H2c Sultan Ibrahim menjual bijih timah kepada Belanda
[Maksimum: 6 markah]

(b) Huraikan strategi British untuk menguasai negara kita.

[8 markah]

F1 Manipulasi

H1a British mendapatkan Singapura

H1b pada tahun 1871, berlaku perebutan takhta di Perak, British menggunakan peluang ini untuk campur tangan

H1c Kejadian lanun merompak kapal dagang British di Selangor dan menyerang rumah api di Tanjung Rachado menjadi alas an untuk British campur tangan

H1d Konflik antara dua pembesar di Sungai Ujong, Negeri Sembilan menyebabkan British mengambil kesempatan untuk campur tangan.

F2 Tipu Helah

H2a British mendapatkan Pulau Pinang melalui tipu helah

H2h Francis Light melakukan tipu helah kepada Sultan Kedah

F3 Pakatan

H3a British mendapatkan Melaka

H3b menyaksikan pakatan kuasa Barat iaitu British dan Belanda memeterai Perjanjian Inggeris-Belanda 1824

H3c melalui perjanjian ini, British Berjaya mendapatkan Melaka, manakala Belanda memperoleh Bangkahulu

F4 Ugutan / Desakan

H4a British membuat ugutan / desakan agar sultan menerima Residen British di Selangor dan Pahang bagi menasihati pentadbiran negeri masing-masing

H4b James Brooke mendesak Sultan Brunei dan menuntut diiktiraf sebagai Raja Sarawak

F5 Perjanjian

H5a British mendesak Sultan Perak, Sultan Selangor, Yamtuan Seri Menanti dan Sultan Pahang memeterai perjanjian mencrima naungan British

H5b Sultan Brunei bersetuju mengiktiraf James Brooke menjadi Raja Sarawak yang merdeka

F6 Pajakan

H6 melalui pajakan dan pemberian piagam Syarikat British Utara Borneo, British meluaskan pengaruhnya ke atas Sabah

F7 Serangan, fizikal

H7a keengganahan Penghulu Naning Dol Said tunduk kepada kekuasaan British di Melaka menyebabkan British menyerang Naning

H7b British membedil Kuala Terengganu dan meminta Sultan Omar tidak mencampuri masalah perang saudara di Pahang serta masalah takhta Sultan Mahmud Lingga

[Maksimum: 8 markah]

(c) Sebagai rakyat Malaysia yang cinta akan negara, bagaimana anda dapat mempertahankan negara kita daripada ancaman luar? [4 markah]

- F1 Saya mesti bersatu padu dengan rakan-rakan terutama yang berlainan bangsa
- F2 Saya mesti bekerjasama dengan rakan-rakan dalam menjayakan program negara
- F3 Saya mesti menambah ilmu pengetahuan untuk bersaing di persada dunia
- F4 Saya mesti menguasai ICT untuk mencipta dan menghasilkan barang atau produk di pasaran antarabangsa

[Maksimum: 4 markah]

TINGKATAN 1 BAB 4 MENGENALI TAMADUN

SOALAN 4

Pada umumnya, tamadun ditakrifkan sebagai suatu pencapaian tertinggi oleh sesuatu masyarakat dalam pelbagai bidang.

(a) Jelaskan bidang-bidang tersebut.

[4 markah]

- F1 Kegiatan pertanian dan perdagangan
- F2 Sistem pemerintahan
- F3 Pembentukan bandar
- F4 Pengkhususan pekerjaan
- F5 Teknologi
- F6 Organisasi sosial
- F7 Agama dan kepercayaan
- F8 Tulisan dan penyimpanan rekod
- F9 Kesenian dan kesusastraan

[Maksimum 4 markah]

(b) Terangkan konsep tamadun mengikut pandangan Ibn Khaldun. [8 markah]

- F1 Tokoh awal yang membicarakan tentang konsep tamadun Islam
- H1a Memperkenalkan konsep tamadun, iaitu "umran" dan "hadharah"
- H1b Digunakan dalam bukunya yang bertajuk *Muqqadimah*
- F2 "Hadharah" mengandungi prinsip-prinsip nilai
- H2a Meliputi aspek akidah
- H2b Aspek syarak
- H2c Aspek akhlak
- H2d Aspek falsafah
- H2e Aspek kebudayaan
- H2f Aspek peradaban
- F3 "Madaniyyah" menjurus kepada aspek kebendaan dalam kehidupan
- H3a Bersifat umum kepada semua manusia
- H3b Bermaksud perbandaran dan tamadun

- F4 Istilah "hadharah" dan "madaniyyah" lebih menepati konsep tamadun dalam Islam
- H4 Berpusat kepada wahyu
[Maksimum 8 markah]

(c) Pelbagai pencapaian yang dilakukan telah menaikkan nama Malaysia setanding dengan tamadun-tamadun dunia masa kini.

Beri penjelasan anda


[8 markah]

- F1 Pembinaan Menara Berkembar PETRONAS
- F2 Pembinaan jambatan Pulau Pinang
- F3 Penghantaran angkasawan negara Malaysia
- F4 Pembinaan Lapangan Terbang KLIA
- F5 Penubuhan banyak universiti awam dan swasta
- F6 Perkembangan pesat dalam bidang ekonomi
- F7 Pemantapan sistem pentadbiran negara
(Mana-mana jawapan yang munasabah)
- [Maksimum 8 markah]

TINGKATAN 1 BAB 5 TAMADUN AWAL DUNIA

SOALAN 5

Gambar berikut menunjukkan kegiatan perdagangan yang wujud dalam Tamadun Indus.



(a) Sejarah menunjukkan bahawa masyarakat tamadun awal telah mencapai kemajuan dalam bidang pertanian dan perdagangan. Huraikan.

[8 markah]

- F1 Penciptaan pelbagai peralatan baharu seperti cangkul
- F2 Teknologi pertanian seperti pembinaan saliran / penciptaan kincir angin / pembinaan teres di tanah tinggi
- F3 Hasil pertanian meningkat
- F4 Kemajuan pertanian membawakan kegiatan perdagangan
- F5 Masyarakat di kota mendapatkan bekalan makanan / hasil pertanian

- F6 Menukarkan barang kraf tangan
 - F7 Perdagangan jarak jauh berlaku
 - F8 Berlaku pertukaran barang di antara masyarakat berlainan tamadun
 - F9 Bahan mentah seperti logam / emas / besi diperoleh
 - F10 Wujud perdagangan di antara masyarakat Sumer dengan Mesir
 - F11 Antara masyarakat Sumer dengan Mohenjo-Daro
- [Maksimum 8 markah]

(b) **Pertambahan penduduk di kawasan petempatan telah membawa kepada kemunculan bandar. Jelaskan proses pembentukan bandar dalam tamadun awal.** [8 markah]

- F1 Manusia membina petempatan kekal
 - F2 Bermula dengan kewujudan perkampungan
 - F3 Kawasan kampung berkembang / disatukan
 - F4 Bandar terbentuk apabila penduduk menjadi ramai
 - F5 Bandar / petempatan tersusun / terancang
 - F6 Terdapat pelan susur atur bangunan
 - F7 Terdapat kemudahan pergi / bilik mandi / tandas di tempat kediaman
 - F8 Terdapat kemudahan prasarana
 - F9 Seperti pasar / rumah ibadat / kawasan kediaman
 - F10 Sistem perparitan / pembentungan dibina
 - F11 Kota dibina mengelilingi bandar
 - F12 Untuk melindungi penduduk daripada serangan orang luar
 - F13 Kota berfungsi sebagai sempadan
 - F14 Pada peringkat awal, bandar menjadi pusat kegiatan politik / ekonomi / kebudayaan bagi kawasan sekitarnya
 - F15 Berkembang menjadi institusi sosial / ekonomi
 - F16 Menjadi asas kepada kelahiran tamadun awal dunia
- [Maksimum 8 markah]

(c) **Kejayaan manusia mencipta sistem tulisan telah membezakan kehidupan manusia bertamadun daripada zaman Prasejarah.**
Terangkan kepentingan tulisan dalam masyarakat tamadun awal. [4 markah]

- F1 Merekod peristiwa
 - F2 Membuat catatan
 - F3 Menulis resit cukai / perniagaan
 - F4 Menghasilkan puisi / karya
 - F5 Mencatat salasilah raja
 - F6 Mencatat upacara keagamaan / doa
(Mana-mana jawapan munasabah)
- [Maksimum 4 markah]

TINGKATAN 1 BAB 6 PENINGKATAN TAMADUN YUNANI DAN ROM

SOALAN 6

Tamadun Yunani merupakan pencetus kepada perkembangan Tamadun Eropah.

(a) Jelaskan aspek-aspek pencapaian tamadun tersebut. [4 markah]

- F1 Sistem demokrasi
 - F2 Ekonomi
 - F3 Sains dan teknologi
 - F4 Kesusastraan
 - F5 Falsafah
 - F6 Pendidikan
- [Maksimum: 4 markah]

(b) Terangkan perkembangan sistem pemerintahan dalam kalangan masyarakat Athens.

[8 markah]

- F1 Monarki
 - H1a Sistem beraja yang berasaskan keturunan
 - H1b Raja dibantu oleh Konsul
 - H1c Terdiri daripada golongan bijak pandai
 - F2 Oligarki
 - H2 Pemerintahan yang dikuasai oleh sebahagian kecil golongan yang berkuasa
 - F3 Aristokrasi
 - H3 Pemerintahan yang dikuasai golongan bangsawan
 - F4 Tirani
 - H4a Pemerintahan yang dikuasai oleh golongan yang zalim
 - H4b Menindas rakyat
 - F5 Demokrasi
 - H5a Pemerintahan yang dipilih oleh rakyat
 - H5b Melalui pengundian
- [Maksimum 8 markah]

(c) Pelbagai cabaran dihadapi untuk pencapaian negara kita pada masa kini. Berikan cadangan anda untuk mengatasi cabaran-cabarab tersebut.

[8 markah]

- F1 Berusaha menguasai ilmu pengetahuan
 - F2 Mematuhi arahan pemimpin
 - F4 Menguasai sains dan teknologi
 - F5 Berani menghadapi cabaran
 - F6 Bersikap kreatif dan inovatif
 - F7 Mengukuhkan semangat jati diri
 - F8 Berhati-hati dengan anasir luar
- [Maksimum 8 markah]

TINGKATAN 1 SEJARAH BAB 7 PENINGKATN TAMADUN INDIA DAN CHINA

SOALAN 7

Peperiksaan perkhidmatan awam merupakan komponen paling penting dalam sistem pendidikan dan kehidupan masyarakat China.

(a) Huraikan ciri-ciri sistem peperiksaan perkhidmatan awam yang diamalkan di China.

[6 markah]

- F1 Peperiksaan yang sangat kompetitif
- F2 Hanya lelaki dibenarkan menduduki peperiksaan
- H2 tanpa mengira latar belakang dan status sosial
- F3 Mengkekalkan tradisi dan budaya China
- H3 terutamanya ajaran Konfusianisme
- F4 Larangan terhadap sebarang bentuk perubahan
- H4 bagi mengekalkan keaslian tradisi China

[Maksimum: 6 markah]

(b) Lulus peperiksaan amatlah penting untuk seseorang individu.

Jelaskan kepentingannya.

[8 markah]

- F1 Membolehkan seseorang menerima penghormatan
- F2 Meningkatkan taraf sosial ke arah kehidupan yang lebih baik
- F3 Dapat menaikkan nama, keluarga, kaum dan kampung
- F4 Dapat diserapkan ke dalam sistem perkhidmatan kerajaan
- F5 Memperoleh pelbagai keistimewaan berdasarkan tahap kelulusan mereka
- F6 Calon yang lulus peperiksaan tahap pertama akan memperoleh butang keemasan yang akan dilekat pada topi mereka
- H6a diterima sebagai kakitangan kerajaan peringkat rendah
- H6b menyertai Majlis Santapan Diraja
- F7 Calon yang lulus peperiksaan tahap kedua akan memperoleh butang keemasan
- H7a mendapat jawatan dalam kerajaan
- H7c mempunyai kakitangan pengiring
- F8 Bagi calon yang lulus peringkat ketiga akan mendapat kedudukan dan pangkat tinggi dalam kerajaan
- H8a memperoleh pelbagai keistimewaan yang lain, bukan sahaja untuk dirinya tetapi keluarga dan kampungnya

[Maksimum: 8 markah]

- (c) Sistem pendidikan bertaraf dunia menjadi dasar pendidikan negara kita. Pendidikan yang cemerlang mampu melonjatkan kemajuan negara. Bincangkan [6 markah]

- F1 Pendidikan yang berkesan mampu menjadi agen perubahan dalam pembangunan negara
- F2 Pendidikan yang menekankan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi telah meningkatkan kreativiti rakyat
- F3 Pendidikan yang meningkatkan kemahiran ICT membolehkan negara kita bersaing di peringkat antarabangsa
- F4 Pegawai kerajaan yang berpendidikan tinggi lebih cekap dalam urusan pentadbiran
- F5 Pendidikan Agama Islam dan Pendidikan Moral dapat membentuk rakyat yang mempunyai nilai moral dan etika yang tinggi
- F6 Rakyat yang berpendidikan lebih memahami dasar kerajaan dan bekerjasama untuk merealisasikan misi dan visi kerajaan
- F7 Negara yang rakyatnya berpendidikan dan berpengetahuan dihormati oleh negara yang lain

[Maksimum: 6 markah]

TINGKATAN 1 BAB 8 TAMADUN ISLAM DAN SUMBANGANNYA

SOALAN 8

Masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam mempunyai petempatan dan cara hidup yang berbeza dari segi pemerintahan, ekonomi dan sosial.

- (a) Jelaskan latar belakang kehidupan masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam.

[3 markah]

- F1 Mengalami kemerosotan selepas keruntuhan Empangan Maarib
- F2 Kehidupan sosial yang lemah
- F3 Tidak mewarisi ilmu daripada zaman sebelumnya
- F4 Tidak mampu membina semula Empangan Maarib
- F5 Mengalami zaman kegelapan yang dikenal sebagai Zaman Jahiliah
- F6 Tidak mempunyai nabi dan kitab suci sebagai petunjuk

- (b) Terangkan sistem masyarakat Arab Jahiliah dari aspek politik. [8 markah]

- F1 Mengamalkan sistem kabilah
- F2 Diketuai oleh seorang syeikh
- F3 Sanggup mempertahankan puaknya
- F4 Pandai berpidato
- F5 Penyatuan masyarakat kabilah adalah berdasarkan keturunan
- F6 Diistilahkan sebagai semangat assabiyah
- F7 Bermegah dengan kabilah masing-masing
- F8 Sering berperang untuk merebut kuasa, pengaruh dan harta

(c) Amalan jahiliah membawa keburukan terhadap kehidupan masyarakat.

Beri hujah anda. [8 markah]

F1 Menghalang perpaduan masyarakat

F2 Tidak berpegang kepada ajaran agama

F3 Kehidupan yang tidak harmoni

F4 Berlaku penindasan terhadap golongan yang lemah

F5 Menghalang kemajuan ekonomi

F6 Membawa kepada keruntuhan moral

F7 Berlaku perebutan kuasa

F8 Mengamalkan kepercayaan karut

F9 Berlaku ketidakadilan dalam sistem sosial

[Maksimum: 8 markah]